

BIASISWA FAIR & LOVELY 2019 TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Sila baca Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan teliti sebelum anda menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, anda dianggap telah menerima Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan bersetuju mematuhi. Jika anda tidak menyetujui Terma-terma dan Syarat-syarat ini, anda tidak harus menyertai Kempen ini. Penganjur berhak meminda Terma-terma dan Syarat-syarat pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu.

MAKLUMAT KEMPEN

Kempen **Biasiswa Fair & Lovely 2019** (“**Kempen**”) ini dianjurkan oleh Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd (No. Syarikat 1532-V) (“**Penganjur**”). Kempen bermula pada 1 Januari 2019, 12:00am dan berakhir pada 30 April 2019, 11:59pm (“**Tempoh Kempen**”). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen tidak layak menyertai Kempen.

Penganjur berhak mengubah, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Kempen menurut budi bicara tunggalnya atau jika Penganjur tidak menerima bilangan penyertaan layak yang cukup atau jika Kempen tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab. Penamatan atau penggantungan tersebut tidak akan membangkitkan apa-apa tuntutan oleh Peserta.

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas (pada tarikh penyertaan dalam Kempen ini) dengan Kad Pengenalan Malaysia yang sah. Sekiranya Peserta berumur di bawah 18 tahun pada tarikh penyertaan, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaganya sebelum menyertai Kempen ini dan apabila diminta oleh Penganjur, hendaklah mengemukakan kebenaran tersebut. Pekerja, pemegang saham, pegawai, pengarah, agen, pengedar dan wakil Penganjur dan setiap daripada syarikat induk, ahli gabungan, bahagian, anak syarikat, agen, wakil dan agensi pengiklanan mereka masing-masing, bersama-sama dengan ahli keluarga terdekat (tidak kira di mana mereka tinggal) dan mereka yang tinggal di kediaman yang sama dengan orang tersebut (sama ada mempunyai kaitan persaudaraan atau tidak), tidak layak menyertai Kempen.
2. Penganjur berhak untuk menyingkirkan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi apa-apa Terma dan Syarat Kempen ini atau jika Penganjur berpendapat bahawa Peserta gagal memenuhi apa-apa kriteria penyertaan Penganjur.

MEKANISME KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, semua Peserta hendaklah melayari Laman Web Kempen di <http://www.fairandlovely.com.my> untuk melakukan mana-mana antara yang berikut:
 - a. **MEMOHON BIASISWA:**
 - i. Permohonan biasiswa terbuka kepada semua siswi warga Malaysia yang sedang menduduki diploma atau ijazah sarjana muda di universiti tempatan terpilih (Rujuk senarai Universiti Terlibat di bawah), dan juga siswi yang telah mendaftar sebagai pelajar secara rasmi sebelum 30 April 2019, kecuali siswi yang sedang menduduki semester terakhir, semasa Kempen ini berlangsung.

- ii. Hanya 40 (empat puluh) Penerima biasiswa akan dipilih di kalangan 7 (tujuh) universiti yang memperoleh undi terbanyak selepas tamat Tempoh Kempen.
- iii. Bagi terma dan syarat lanjut permohonan biasiswa, rujuk Terma & Syarat Permohonan Biasiswa di bawah.

b. MENGUNDI:

- i. Undian terbuka kepada semua warga Malaysia yang mempunyai akaun Facebook.
- ii. Seperti yang tersebut di atas, hanya pemohon-pemohon daripada 7 (tujuh) universiti dengan undi terbanyak akan terpilih untuk menerima biasiswa. Oleh itu, bagi menceraikan peluang untuk menerima biasiswa, sesiapa sahaja digalakkan untuk mengundi dengan mengkongsikan posting khusus yang disediakan bagi universiti-universiti yang terlibat.
- iii. Posting-posting yang tersebut akan ditempatkan di laman Facebook Fair & Lovely Malaysia: <http://www.facebook.com/fairandlovelymalaysia>
- iv. Mata undian dikira seperti berikut:
 - Setiap permohonan lengkap = 1 (satu) mata undi;
 - Setiap undi biasa (perkongsian posting) = 1 (satu) mata undi.

c. MEMOHON SAMPEL:

- i. Bagi mendapatkan sampel percuma produk Fair & Lovely Advanced Multi Vitamin 9g, Peserta perlu melengkapkan borang butiran peribadi yang disediakan di laman web (www.fairandlovely.com.my/biasiswa_2019/sampel) dengan tepat. Permohonan dengan butiran yang salah atau tidak lengkap akan dianggap terbatal.
 - ii. Sampel terhad menurut bilangan stok dan akan diberikan berdasarkan “tiba dahulu layan dahulu/siapa cepat dia dapat” semasa Tempoh Kempen. Sekiranya kehabisan stok, Penganjur tidak perlu menggantikannya dengan barangan atau tawaran lain.
4. Pembelian atau pembayaran tidak diperlukan untuk menyertai atau memenangi Kempen. Pembelian tidak akan menambah peluang anda untuk memenangi Kempen.

UNIVERSITI TERLIBAT

5. Berikut ialah universiti-universiti yang telah dipilih oleh Penganjur di mana warga siswinya layak untuk menerima Biasiswa Fair & Lovely:

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan (IPG)
 Institut Perguruan Tun Hussein Onn (IPTHO)
 Kolej Islam Antarabangsa (KIA)
 Kolej Poly-Tech Mara, Bangi (KPTM Bangi)
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)
 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)
 Kolej Universiti Poly-Tech Mara (KUPTM)
 Kolej Yayasan Melaka (KYM)
 Politeknik Ibrahim Sultan, Johor (PIS)
 Politeknik Kota Bharu (PKB)
 Politeknik Merlimau Melaka (PMM)
 Politeknik Muadzam Shah, Pahang (PMS)

Politeknik Port Dickson (PPD)
Politeknik Seberang Perai (PSP)
Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSSAAS)
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
Politeknik Ungku Omar (PUO)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Malaya (UM)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Universiti Malaysia Sarawak (UNiMAS)
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Universiti Sains Malaysia (USM)
Universiti Selangor, Shah Alam (UNISEL)
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Universiti Utara Malaysia (UUM)
UITM Kampus Selayang
UITM Sungai Buloh
UITM Perak Kampus Sri Iskandar
UITM Perak Kampus Tapah
UITM Perak Kampus Teluk Intan
UITM Pulau Pinang Kampus Bertam
UITM Pulau Pinang Kampus Bukit Mertajam
UITM Pulau Pinang Kampus Balik Pulau
UITM Kedah Kampus Sungai Petani
UITM Perlis Kampus Arau
UITM Kampus Seremban
UITM Negeri Sembilan Kampus Rembau
UNISEL, Batang Berjuntai

UTP, Perak
 Politeknik Ungku Omar, Perak
 UniMAP, Perlis
 Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu
 UITM Melaka Kampus Bandaraya
 UITM Melaka Kampus Jasin
 UITM Johor Kampus Segamat
 UITM Johor Kampus Pasir Gudang
 UITM Johor Kampus Larkin
 UITM Pahang
 UITM Pahang Kampus Raub
 UITM Terengganu, Dungun
 UITM Terengganu Kampus Kuala Terengganu
 UITM Terengganu Kampus Bukit Besi
 UITM Kelantan Kampus Machang
 UITM Kelantan Kampus Kota Bharu

6. Universiti-universiti yang terlibat tidak mempunyai sebarang maklumat tentang Kempen ini melainkan yang mereka disenaraikan dalam senarai penerima biasiswa yang layak. Oleh itu sebarang pertanyaan atau komen tentang Kempen ini perlu diajukan kepada Penganjur dan/atau wakil-wakilnya sahaja. Pihak-pihak universiti tidak mempunyai kewajipan untuk melayan sebarang pertanyaan atau komen tentang Kempen ini.

BIASISWA & SAMPEL

7. Biasiswa:

- a. Warga siswi dari universiti dengan undi terbanyak (rujuk kepada bahagian **Mekanisme Kempen 3(b)**) untuk maklumat lanjut mengenai pengundian) layak untuk menerima Biasiswa Fair & Lovely bernilai RM5,000 dalam bentuk cek;
- b. Siswi yang berminat perlu memohon Biasiswa Fair & Lovely semasa Tempoh Kempen;
- c. Sila rujuk Terma & Syarat Permohonan Biasiswa di bawah untuk terma-terma dan syarat-syarat khusus permohonan dan penganugerahan biasiswa.

8. Sampel:

- a. 1 (satu) Krim Pencerah Fair & Lovely Advanced Multi Vitamin 9g dengan Formulasi Putih ("Sampel");
- b. Stok Sampel adalah terhad dan akan diberikan berdasarkan "tiba dahulu layan dahulu/siapa cepat dia dapat". Sekiranya Penganjur telah kehabisan stok, tiada pampasan atau gantian akan diberikan kepada Peserta. Penganjur berhak untuk menutup atau menamatkan permohonan Sampel sekiranya kehabisan stok, tanpa notis terdahulu;
- c. Setiap Peserta hanya layak menerima 1 (satu) Sampel sahaja menurut Nombor Kad Pengenalan mereka;

9. Semua Biasiswa dan Sampel diberikan atas dasar “seadanya” dan tidak boleh ditukar milik, ditukar, dan tiada pilihan wang tunai.
10. Semua Biasiswa dan Sampel adalah diterima dengan risiko oleh Peserta dan akan diberikan oleh pihak Penganjur tanpa sebarang waranti dalam apa jua bentuk nyata atau tersirat.
11. Penganjur berhak untuk menukar Biasiswa atau Sampel dengan barang-barang yang setara nilai sekiranya tiada dalam stok atau berlaku perkara lain yang menyebabkan ketiadaan Biasiswa atau Sampel tersebut.
12. Penganjur akan menghantar Sampel kepada Peserta kepada alamat yang diberikan secara berperingkat sepanjang atau selepas Tempoh Kempen.
13. Penganjur akan menghubungi Penerima Biasiswa melalui butiran atau alamat emel yang diberikan semasa proses penghantaran penyertaan. Para Peserta digalakkan untuk memastikan nombor-nombor hubungan mereka aktif, dan sentiasa memeriksa akaun emel mereka.
14. Sekiranya Penerima Biasiswa memilih untuk tidak menerima biasiswa tersebut, ia akan dibatalkan dan diuruskan mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.

HAK PENGANJUR

15. Penganjur berhak menambah/menyingkatkan mana-mana universiti daripada senarai Universiti Terlibat, pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kempen ini tanpa pemberitahuan awal.
16. Peserta bersetuju bahawa semua bahan yang diserahkan oleh Peserta untuk Kempen ini menjadi kepunyaan Penganjur. Jika berkenaan, hakcipta dan semua hak harta intelek (termasuk hak moral) yang wujud dalam semua bahan termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan digital atau bukan digital (contohnya: video dan imej), akan menjadi kepunyaan Penganjur setelah diserahkan.
17. Penganjur berhak menerbitkan dan menggunakan nama, gambar, imej, rakaman audio dan/atau video yang diserahkan oleh Peserta/Pemenang atau terhadap Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang tidak berhak menuntut pemilikan atau bentuk pampasan lain terhadap bahan tersebut.
18. Sebagai balasan bagi Penganjur menawarkan peluang kepada Peserta untuk menyertai Kempen, Peserta dengan ini secara tak bersyarat dan dengan tak boleh batal menyetujui dan membenarkan perkara berikut:
 - a. Penganjur dibenarkan menggunakan nama, imej, suara dan/atau gambaran yang serupa dengan Peserta bagi tujuan penyuntingan, pengiklanan, promosi, pemasaran dan/atau tujuan lain tanpa notis lanjut atau pampasan.
 - b. Jika dikehendaki oleh Penganjur, Peserta hendaklah dengan sukarela menghadiri penerbitan, rakaman atau publisiti mengenai Kempen bagi sebarang tempoh yang akan dimaklumkan oleh Penganjur (termasuk tetapi tidak terhad kepada wawancara yang dirakamkan atau tidak dirakamkan, pengambilan foto pegun, rakaman audio dan/atau visual bagi penggunaan promosi dan publisiti (secara kolektif “Rakaman”). Semua kos kehadiran dan penyertaan Peserta hendaklah ditanggung semata-mata oleh Peserta dan Penganjur tidak bertanggungjawab membayar balik apa-apa kos, perbelanjaan, gaji atau pampasan kepada Peserta.
 - c. Penganjur mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengiklankan dan/atau menyiarkan dan/atau mencetak Rakaman dan/atau menggunakan slogan, nama atau nama

panggilan di mana-mana program/salurannya atau di mana-mana perantara pun jua, secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicara Penganjur. Semua hakcipta yang wujud dalam Rakaman adalah kepunyaan mutlak Penganjur.

- d. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya, untuk menggunakan dan mengeksploitasi Harta Intelek melalui mana-mana kaedah atau perantara dan dalam apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggapnya wajar tanpa terlebih dahulu mendapatkan apa-apa kebenaran atau membuat apa-apa pembayaran pun jua kepada Peserta dan/atau pemenang Kempen dan/atau wakil.
19. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta yang mengganggu mekanisme, sistem, perisian Kempen atau apa-apa proses lain berkaitan dengan Kempen ini.
20. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati (menurut budi bicara Penganjur) tidak sopan atau tidak sesuai untuk tatapan umum, atau didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengusik proses penyerahan Kempen, pengendalian Kempen ini atau melanggar apa-apa Terma dan Syarat Kempen. Penganjur berhak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Kempen, Penganjur atau proses penyerahan Kempen.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

20. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami, bersetuju dan dengan tak bersyarat menerima Terma-terma dan Syarat-syarat dan Notis Privasi yang dinyatakan di bawah.
21. Peserta tidak boleh menyerahkan lebih daripada satu penyertaan semasa Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, setiap Peserta (jika dipilih sebagai pemenang) hanya berhak mendapat satu (1) Biasiswa dan satu (1) Sampel untuk Kempen ini.
22. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa penyertaan yang diserahkan (termasuk apa-apa foto, lukisan, gambar, slogan, apa-apa bahan atau karya kreatif lain, termasuk rakaman suara atau video) hendaklah karya aslinya dan tidak melanggar apa-apa hak mana-mana pihak ketiga dan/atau melanggar sebarang hakcipta, paten, nama dagangan, hak keempunyaan, peribadi, privasi atau moral mana-mana pihak ketiga.
23. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa dia menepikan atau telah mendapatkan penepian terhadap semua hak (termasuk hak moral) daripada semua orang yang telah menyumbang kepada penghasilan Penyertaan dan karya dasar (secara kolektif "Penyumbang") yang berhak ditegaskan oleh Penyumbang dan/atau Peserta, kini atau di masa hadapan, di mana-mana tempat di dunia.
24. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa penyertaan yang diserahkan oleh peserta tidak boleh mengandungi unsur-unsur kebogelan, imej pornografi atau tema seksual, keganasan grafik, kenyataan atau bahan memfitnah atau melibel yang dianggap menyalahi undang-undang/ menyinggung atau mungkin melanggar undang-undang Malaysia atau bahan yang kemungkinan akan mencemarkan imej Penganjur atau menyebabkan Penganjur mendapat nama buruk. Sebarang pelanggaran klausa ini akan memberikan budi bicara mutlak kepada Penganjur untuk menyingkirkan dan menolak dan/atau mengeluarkan apa-apa penyertaan atau posting dengan serta-merta tanpa notis terdahulu.

25. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menggunakan atau mengeksploitasi Penyertaan Peserta atau mana-mana bahagian daripadanya dalam sebarang dan semua bentuk perantara melalui apa-apa dan semua kaedah atau cara di seluruh dunia untuk tempoh penuh hakcipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apaapa imbuhan atau royalti kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur tidak mempunyai kewajipan untuk menggunakan atau mengeksploitasi mana-mana bahagian daripadanya.
26. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa dia tidak akan menggunakan Penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi tujuan selain daripada tujuan yang ditetapkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat. Sekiranya Penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya diterbitkan atau diedarkan atau ditangani dalam apa jua cara tanpa kebenaran terdahulu daripada Penganjur, Penganjur berhak menurut budi bicara mutlaknya menyingkirkan Peserta dan/atau membatalkan apa-apa Hadiah yang dimenangi dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti pun jua terhadapnya.
27. Semua hak dan keistimewaan yang diberikan di dalam ini kepada Penganjur tidak boleh dibatalkan dan tidak tertakluk kepada pembatalan, sekatan atau injunksi dalam sebarang dan semua keadaan. Peserta tidak akan dalam apa jua keadaan berhak mendapat relief injunksi atau untuk menahan atau sebaliknya mengganggu penganjuran Kempen, penerbitan, pendedaran, pameran dan/atau eksploitasi Kempen dan/atau Program dan/atau apa-apa produk berdasarkan dan/atau yang berpunca daripada Kempen dan/atau Program.
28. Penganjur berhak pada bila-bila masa untuk mengubah, meminda, memotong atau menambah Terma-terma dan Syarat-syarat dan peraturan lain termasuk mekanisme Kempen menurut budi bicara mutlaknya.
29. Jika Kaedah penyertaan adalah melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") atau perkhidmatan pesanan multimedia ("MMS"), setiap Penyertaan Kempen yang dihantar oleh Peserta adalah tertakluk kepada caj premium yang ditetapkan (jika ada) yang adalah sebagai tambahan kepada standard yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi Peserta.
30. Penyerahan Penyertaan tidak menjamin bahawa Peserta akan memasuki Kempen. Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak atau enggan menerima penyerahan Penyertaan dan kemasukan Peserta atas sebab-sebab termasuk (tanpa had) jika Penyertaan adalah tidak lengkap atau apa-apa peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat tidak dipatuhi.
31. Penganjur berhak menyingkirkan dan/atau mengecualikan Peserta dan/atau menarik balik Hadiah (pada mana-mana peringkat Kempen) jika -
 - a) Peserta tidak layak atau tidak memenuhi apa-apa kriteria kelayakan yang dibentangkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat; atau
 - b) Peserta memungkiri Terma-terma dan Syarat-syarat dan peraturan lain Kempen atau melanggar apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa; atau
 - c) menurut penentuan tunggal Penganjur, Penganjur percaya bahawa Peserta telah cuba menjejaskan pengendalian Kempen melalui fraud, penipuan atau perdayaan; atau
 - d) Peserta telah mewujudkan dan/atau menyertai berkali-kali atau mengundi untuk penyertaan mereka sendiri menggunakan akaun Facebook yang palsu.
32. Jika berlaku penyingkiran selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak menuntut agar Hadiah dipulangkan atau pembayaran nilai yang bersamaan dengannya daripada Peserta yang disingkirkan.

33. Meskipun Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk melakukan penentusahan yang perlu mengenai kelayakan peserta, kegagalan untuk menyingkirkan mana-mana peserta yang tidak layak tidak akan dianggap kemungkiran oleh Penganjur.
34. Jika berkenaan, hadiah tunai akan diberikan kepada pemenang dalam bentuk cek. Pemenang hadiah tunai bertanggungjawab atas sebarang dan semua cukai yang perlu dibayar (jika perlu) akibat pemberian atau penerimaan Hadiah dan semua caj perbankan yang berkaitan (termasuk caj cek luar) yang dikenakan oleh bank untuk menjelaskan ceknya.
35. Peserta tidak boleh mempertikaikan atau membuat apa-apa aduan lisan atau bertulis, pengumuman atau kenyataan awam mengenainya sama ada semasa atau selepas Tempoh Kempen.
36. Jika mana-mana terma di dalam ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasa, ini tidak akan menjejaskan atau memudaratkan penguatkuasaan Terma-terma dan Syarat-syarat lain Kempen.

LIABILITI & TANGGUNGJAWAB

41. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, fi lain dan/atau apa jua jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berhubung dengan Kempen ini (sama ada bagi tujuan memasuki, menyertai atau menerima apaapa manfaat atau hadiah daripada Kempen) atau bagi tujuan penebusan hadiah atau perjalanan yang berkaitan adalah tanggungjawab Penenang semata-mata, dan Penganjur, ahli gabungan, agen sah atau agensi sertaannya tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab pun jua untuk kos/caj/fi/perbelanjaan ini.
42. Penganjur, ahli gabungannya, pihak ketiga yang dibenarkan dan agensi sertaan tidak menanggung apa-apa tanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, terlewat disebabkan perkhidmatan pos, atau disebabkan oleh kesilapan komputer, IT atau apa-apa kesilapan teknologi. Peserta bertanggungjawab memastikan penyertaannya mematuhi semua peraturan dan terma dan syarat Kempen, dan bahawa penyertaannya diterima oleh Penganjur dalam bentuk yang dikehendaki oleh Penganjur.
43. Dengan menyertai Kempen ini, semua peserta bersetuju melepaskan dan memastikan Penganjur, ahli gabungan dan agensinya, dan pekerja, pegawai, pengarah dan wakil mereka tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, kerugian atau gantirugi berbangkit daripada atau berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kesilapan dalam mengira apa-apa transaksi, sebarang kerosakan atau kepincangan mana-mana sistem komputer atau peralatan), apa-apa aktiviti berkaitan Kempen dan penerimaan dan/atau penggunaan, penyalahgunaan, atau milikan apa-apa hadiah yang diberikan di bawah ini.
44. Semua kos yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dan/atau berhubung dengan Kempen dan Hadiah, termasuk tanpa had, caj pos atau caj Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) (jika berkenaan), semua kos pengangkutan, caj komunikasi, penginapan, kos makanan dan kos berkaitan lain yang ditanggung oleh Peserta disebabkan oleh dan/atau selaras dengan penyertaannya dalam Kempen, kos pungutan dan kos tambahan berkaitan dengan hadiah iaitu kos insurans, yuran pendaftaran kenderaan, cukai jalan, dll. hendaklah ditanggung semata-mata oleh Peserta. Penganjur tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk membayar balik Peserta untuk sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung terhadapnya.
45. Peserta mengakui bahawa penyertaannya dalam Kempen adalah atas risikonya sendiri.

46. Penganjur, agen, penaja, wakil, ahli gabungannya dan pengarah, pegawai dan pekerja, agen dan penerima serah hak mereka masing-masing tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan:
- a apa-apa kegagalan untuk memenangi Hadiah dalam Kempen, Hadiah yang cacat disebabkan kecuaiian, tindakan dan/atau ketinggalannya atau penyalahgunaan Hadiah atau sebarang kerugian, gantirugi, kos, perbelanjaan, tuntutan, liabiliti, kecederaan, kematian, kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Kempen atau berbangkit daripada atau berhubung dengan Kempen, penyertaan Peserta dalam Kempen dan/atau Hadiah yang diberikan.
 - b apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima dan menghantar Penyertaan Kempen akibat sebarang kerosakan rangkaian, komunikasi, ISP atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi Penganjur atau Peserta dan/atau diakibatkan oleh penyertaan atau langkah memuat turun apa-apa bahan dalam Kempen.
 - c sebarang kesilapan (termasuk kesilapan ketika memaklumkan pemenang Kempen), ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, pencurian, kemusnahan, perubahan, atau akses tanpa kebenaran kepada penyertaan, atau penyertaan yang hilang atau terlewat sama ada berbangkit semasa pengendalian atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, pepijat, atau sebab lain di luar kawalan Penganjur.
47. Penganjur, agen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan apa apa kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan peraturan berhubung dengan Kempen jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan pampasan kepada Peserta dalam apa cara jua dalam keadaan sedemikian.

PENAFIAN

Kempen ini tidak dalam apa cara jua ditaja, disokong atau ditadbir oleh, atau mempunyai kaitan dengan, Facebook. Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa Penyertaan yang diserahkan oleh Peserta mematuhi semua terma dan syarat Facebook dan Peserta bertanggungjawab untuk membaca dan mematuhi terma-terma penggunaan dan dasar privasi yang diletakkan di Facebook.

UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA

Kempen ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan setiap Peserta bersetuju menyerahkan apa-apa tuntutan, pertikaian atau kontroversi kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

PRIVACY NOTICE & CONSENT (ENGLISH & MALAY)

Your personal data, including but not limited to the personal data obtained from you directly when you provide us with personal information, e.g. when you register for our contests and/or roadshows, buy a product or service from us, sign up to receive information, use our applications, fill out a survey, or make a comment or enquiry, and/or any further updates provided to us by you in relation to your personal information, photos, image, audio and/or video recording obtained by us ("Personal Data"), will be processed for any educational, advertising, marketing, publicity purpose(s) or any related purpose, your

participation in our contest and/or roadshow and/or events, to provide you with products or services that you request from us, to provide you with advance notice of our future events, to respond to your inquiries, to provide you information about our products, services and/or new releases which may be of interest to you, to invite you and your subscription to our newsletters, and/or for auditing purposes in cases where there has been a dispute (collectively, "Purpose").

We also wish to inform you that your Personal Data may be disclosed to third parties, such as to our headquarters, regional offices, subsidiaries, affiliates and/or members within the Unilever group of companies, and/or our service providers, which may be located outside Malaysia, for reasons relating to the Purpose.

If you wish to access, correct, limit or update your Personal Data, or to make any inquiries or complaints about the processing of such information, please contact:

Data Privacy Officer, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Level 34, Menara TM, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188

Kindly note that it will be necessary for us to process your Personal Data, without which we will not be able to carry out the Purpose. For more details on how we process your Personal Data, do visit our Privacy Policy at: http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx
<http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx>

NOTIS PRIVASI DAN PERSETUJUAN

Maklumat peribadi anda, termasuk tetapi tidak dihadkan kepada data peribadi yang diperolehi daripada anda secara langsung apabila anda memberikan kami maklumat peribadi, contohnya apabila anda mendaftar untuk pertandingan/peraduan dan/atau pameran bergerak kami, membeli produk atau perkhidmatan dari kami, mendaftar untuk menerima maklumat, menggunakan aplikasi kami, mengisi kaji selidik, atau memberi komen atau membuat siasatan/ atau sebarang kemas kini selanjutnya yang diberikan kepada kami oleh anda berhubung dengan maklumat peribadi anda, gambar, imej, rakaman audio dan/atau video yang diperolehi oleh kami ("Data peribadi") akan diproses bagi sebarang tujuan pendidikan, pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain berkaitan, penyertaan anda dalam pertandingan/peraduan dan/atau pameran bergerak kami, untuk menyediakan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan yang anda meminta daripada kami, untuk menyediakan anda dengan terlebih dahulu notis peristiwa masa depan, untuk bertindak balas kepada pertanyaan, untuk memberikan anda maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan/atau siaran baru yang mungkin menarik minat anda, menjemput anda dan langganan anda untuk surat berita kami, dan/atau untuk tujuan pengauditan dalam kes-kes di mana terdapat pertikaian, tujuan analisis data dan pemasaran pengguna (secara kolektif, "Tujuan").

Kami juga ingin memaklumkan kepada anda bahawa Data Peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak ketiga, seperti kepada ibu pejabat kami, pejabat serantau, anak-anak syarikat, sekutu dan/atau ahli dalam kumpulan Unilever syarikat-syarikat, dan/atau pembekal perkhidmatan kami, yang mungkin yang terletak di luar Malaysia, atas sebab-sebab yang berkaitan dengan Tujuan.

Jika anda ingin mengakses, membetul, menghad atau mengemas kini Data Peribadi anda, atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai pemprosesan maklumat, sila hubungi kami melalui:
Pegawai Data Peribadi, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd, Aras 33-35, Menara TM, Jalan Pantai Baru,
59200 Kuala Lumpur. Tel: 03-2246 2188

Sila ambil perhatian bahawa ia akan menjadi perlu bagi kami untuk memproses Data Peribadi anda, tanpa mereka kami tidak akan dapat menjalankan Tujuan. Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana kami memproses Maklumat Peribadi anda, sila layari Polisi Privasi kami di:

http://www.unileverprivacypolicy.com/en_gb/policy.aspx

<http://www.unileverprivacypolicy.com/BahasaMalaysia/policy.aspx>

I am above 18 years and I have read and understood the terms of this Privacy Notice and consent to the processing of my Personal Data as described above.

Where Personal Data relates to a minor (below 18 years old)

- I am the parent/legal guardian of the participating minor ("Data Subject") and I have read and understood the terms of this Privacy Notice and hereby gives consent to the processing of my Personal Data and the Data Subject's Personal Data for the Further Purposes and by the Third Parties as described above.

Full Name of Data Subject :

Signature of Parent/Legal Guardian :

Full Name of Parent/Legal Guardian :

Date :

Saya berumur 18 tahun ke atas dan saya telah membaca dan memahami syarat-syarat Notis Privasi ini dan bersetuju untuk memberi kebenaran saya untuk pemprosesan Data Peribadi saya seperti yang dinyatakan di atas.

Data Peribadi berkaitan dengan individu di bawah 18 tahun.

Saya sebagai Ibu Bapa/ Penjaga kepada peserta yang berumur 18 tahun ke bawah ini ("Data Subjek") telah membaca dan memahami syarat-syarat Notis Privasi ini dan bersetuju untuk memberi kebenaran, saya bagi pihak peserta yang berumur 18 tahun ke bawah itu untuk pemprosesan Data Peribadi saya dan Data Peribadi Data Subjek seperti yang dinyatakan di atas.

Nama penuh Data Subjek :

Tandatangan Ibu Bapa/ Penjaga sah :

Nama penuh Ibu Bapa/Penjaga sah :

No. Kad Pengenalan Ibu Bapa/Penjaga sah :

Tarikh :

PERMOHONAN BIASISWA TERMA DAN SYARAT

Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 kini dibuka untuk permohonan. Anugerah ini bertujuan untuk membangunkan bakat, menyediakan peluang pendidikan kepada wanita muda Malaysia yang mengikuti program diploma atau ijazah sarjana muda di mana-mana universiti awam tempatan.

JURUSAN

Mana-mana bidang pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda dari universiti-universiti awam yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

PAKEJ ANUGERAH

1. Jumlah keseluruhan Anugerah bernilai RM200,000.00 akan dianugerahkan oleh Fair & Lovely kepada 40 (empat puluh) orang warga siswi yang berjaya iaitu biasiswa RM5,000.00 setiap seorang.
2. Penerima Biasiswa Fair & Lovely juga akan mendapat kelebihan-kelebihan berikut:
 - a. **Menjadi ahli komuniti maya Fair & Lovely:**
 - i. Penerima Biasiswa Fair & Lovely akan menjadi ahli komuniti maya Fair & Lovely dalam grup tertutup laman Facebook bersama-sama penerima Biasiswa Fair & Lovely 2019 lain dari semua universiti yang terpilih.
 - ii. Sekiranya penerima Biasiswa Fair & Lovely tidak berminat untuk menyertai komuniti maya Fair & Lovely, penerima mempunyai pilihan untuk keluar dari grup tertutup laman Facebook ini tanpa sebarang syarat.
 - b. **Diutamakan dalam sesi temu duga posisi pelatih praktikal di Unilever Malaysia:**
 - i. Peluang membuat latihan praktikal berserta butiran lanjut seperti langkahlangkah permohonan, posisi-posisi pelatih praktikal yang dibuka dan tempoh/tarikh latihan praktikal akan diumumkan melalui komuniti maya Fair & Lovely (**sila rujuk PAKEJ ANUGERAH 2(a)**).
 - ii. Penerima Biasiswa Fair & Lovely yang berminat hendaklah memohon posisi pelatih praktikal dengan lengkap terlebih dahulu menurut arahan yang tertera di laman komuniti maya Fair & Lovely.
 - iii. Setelah lengkap permohonan, penerima Biasiswa Fair & Lovely dijamin slot temu duga fasa pertama iaitu melalui panggilan telefon bersama wakil Unilever Malaysia yang berkenaan.
 - iv. Pemohon hendaklah menyatakan status mereka sebagai penerima Biasiswa Fair & Lovely semasa memohon posisi pelatih praktikal untuk mendapat jaminan slot temu duga.
 - v. Slot pelatih praktikal tertakluk kepada ketersediaan posisi praktikal dan juga prestasi pemohon dalam sesi temu duga.
 - vi. Tempoh latihan praktikal adalah fleksibel mengikut keperluan pemohon dan syarikat Unilever Malaysia.

c. Mendapat maklumat terkini tentang peluang latihan praktikal dan sesi perkongsian eksklusif.

- i. Komuniti maya Fair & Lovely (**sila rujuk PAKEJ ANUGERAH 2(a)**) akan digunakan sebagai platform untuk mengumumkan peluang-peluang latihan praktikal, dan juga sesi perkongsian eksklusif bagi mendedahkan penerima Biasiswa Fair & Lovely kepada pemimpin-pemimpin wanita dalam dunia korporat, dan sumber-sumber kemahiran insaniah dan teknikal sebagai persediaan menghadapi alam karier selepas tamat pengajian.

KELAYAKAN

1. Warga siswi dari 7 (tujuh) universiti dengan undi terbanyak layak untuk menerima Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 (Pemohon dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat untuk Kempen Biasiswa Fair & Lovely [**“Kempen”**] terlebih dahulu).
2. Warga siswi yang berminat perlu memohon Biasiswa Fair & Lovely semasa Tempoh Kempen.
3. Para pemohon Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 adalah digalakkan untuk mengundi universiti mereka (rujuk kepada bahagian **Mekanisme Kempen 3(b)**) untuk maklumat lanjut mengenai pengundian) supaya lebih cerah peluang untuk menang.
4. Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 ini terbuka kepada mana-mana mahasiswi warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan sah dan sedang menuntut di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda di universiti awam tempatan yang mengambil bahagian sahaja, kecuali yang sedang menduduki semester terakhir, semasa Tempoh Kempen.
5. Memperolehi keputusan yang baik di dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan keputusan minima 3A atau berjaya melengkapkan pengajian di peringkat Matrikulasi/Diploma dengan keputusan minima PNGK 3.00.
6. Mendapat dan menerima tawaran secara rasmi memasuki mana-mana universiti awam tempatan untuk mengikuti program pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda sepenuh masa.
7. Tidak menjadi isu sekiranya pemohon kini telah menerima sebarang biasiswa, pinjaman atau bantuan kewangan daripada mana-mana organisasi lain. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk menyemak dan mendapat pengesahan daripada organisasi-organisasi tersebut sama ada pemohon dibenarkan untuk memohon Anugerah ini atau sebaliknya.
8. Boleh menulis dan bertutur di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dengan baik.
9. Menunjukkan kualiti kepimpinan melalui penyertaan aktif dalam aktiviti ko-kurikulum.

TERMA DAN SYARAT

11. Warga siswi dikehendaki memohon secara atas talian (“online”) di laman web Fair and Lovely (www.fairandlovely.com.my). Pemohon yang dipertimbangkan untuk menerima Anugerah akan dimaklumkan untuk mempersembahkan salinan keputusan peperiksaan terkini dengan pengakuan sah oleh pihak berkuasa dan/atau pendaftar yang lebih tinggi daripada sekolah atau institusi (STPM, Matrikulasi atau setara dengannya), serta salinan surat/surat tawaran universiti.
12. 50 pemohon yang dipertimbangkan dari setiap universiti akan dipilih dari ketujuh-tujuh universiti yang mempunyai undian tertinggi. Sejumlah 350 pemohon akan dipertimbangkan di peringkat ini.
13. Pemohon-pemohon yang dipertimbangkan akan dihubungi untuk mendapatkan sijil-sijil and dokumentasi yang diperlukan untuk memproses permohonan mereka.

14. 40 para siswi akan dipilih oleh pihak Penganjur dengan pertolongan universiti berdasarkan kedudukan mata undian seperti berikut:
 - a. Universiti dengan undian tertinggi: 10 para siswi
 - b. Universiti dengan undian tertinggi kedua: 5 para siswi
 - c. Universiti dengan undian tertinggi ketiga: 5 para siswi
 - d. Universiti dengan undian tertinggi keempat: 5 para siswi
 - e. Universiti dengan undian tertinggi kelima: 5 para siswi
 - f. Universiti dengan undian tertinggi keenam: 5 para siswi
 - g. Universiti dengan undian tertinggi ketujuh: 5 para siswi
15. Sekiranya terdapat jumlah undian yang sama antara 2 universiti, universiti yang tersenarai dalam kalangan 7 kedudukan mata undian tertinggi lebih awal akan dipilih mengikut tarikh dan waktu bilangan undian tersebut dicapai.
16. Dengan memohon Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 ini pemohon bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
17. 40 para siswa akan dipilih daripada tujuh universiti yang mempunyai undian yang tertinggi.
18. Keputusan ahli panel/hakim/pihak Penganjur adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau soalan tidak akan dilayan.
19. Borang permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
20. Terdapat pelbagai aspek kriteria di dalam proses pemilihan Penerima Biasiswa, seperti yang dinyatakan. Pemilihan akhir Penerima Biasiswa adalah mengikut budi bicara tunggal dan mutlak Fair & Lovely/pihak Penganjur.
21. Borang permohonan hendaklah diisi mengikut format yang diberikan, dengan kefahaman yang jelas bahawa permohonan ini adalah di bawah pengendalian pihak syarikat yang menjual dan memasarkan produk Fair & Lovely di Malaysia iaitu Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd ("Unilever") berdasarkan parameter yang ditetapkan bagi pemberian biasiswa. Para pemohon memahami bahawa Unilever mempunyai budi bicara tunggal di dalam hal ini.
22. Maklumat peribadi yang dibekalkan oleh para pemohon adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Polisi Privasi Unilever.
23. Fair & Lovely berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa, tanpa notis terlebih dahulu.
24. Pemohon dikehendaki memenuhi kriteria kelayakan biasiswa ini sebelum tawaran anugerah boleh dibuat. Pemohon yang tidak memenuhi syarat akan dibatalkan secara automatik tanpa notis secara lisan atau bertulis terlebih dahulu.
25. Kegagalan mengemukakan semua dokumen seperti yang diminta boleh menyebabkan permohonan itu batal dan tidak sah. Menerima permohonan dan dokumen tidak secara automatik menjamin bahawa biasiswa akan dianugerahkan kepada pemohon.
26. Pemohon akan menerima notis maklumat secara bertulis daripada Fair & Lovely sekiranya berjaya dan ditawarkan dengan Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019.
27. Pemohon hendaklah didaftarkan sebagai mahasiswi sepenuh masa untuk pengajian tersebut.
28. Keputusan percubaan untuk tahun semasa akan diterima sekiranya keputusan rasmi belum dikeluarkan pada masa pengambilan. Walau bagaimanapun, pemberian biasiswa sebegini adalah bersyarat sehingga keputusan rasmi/sebenar dihasilkan.

29. Biasiswa ini tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang atau alternatif lain.
30. Semua penerima biasiswa dikehendaki:
 - a. Menghadiri majlis Anugerah Biasiswa Fair & Lovely 2019 sekiranya diarahkan.
 - b. Menyumbang dan meluangkan masa mereka untuk membantu Fair & Lovely dalam aktiviti pemasaran dan promosi, kaunseling rakan sebaya, aktiviti ko-kurikulum dan kerja-kerja pentadbiran yang lain seperti yang diberitahu oleh Fair & Lovely (sekiranya perlu).
 - c. Tidak melakukan sebarang publisiti (termasuk dan tidak terhad melalui media sosial) mengenai penerimaan biasiswa ini sehingga mendapat kebenaran bertulis dari Unilever.
 - d. Menjadi ikon contoh pada setiap masa sama ada di atas atau di luar kampus.
31. Fair & Lovely berhak untuk melibatkan penerima dalam temu bual, iklan, fotografi atau aktiviti lain bagi maksud mempromosikan Fair & Lovely. Semua produk dan kegiatan ini adalah hakcipta Fair & Lovely dan boleh digunakan tanpa kebenaran terlebih dahulu secara bertulis atau lisan.
32. Fair & Lovely berhak untuk mengubah atau menarik balik apa-apa keputusan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan dengan biasiswa dan anugerah tanpa sebarang notis bertulis atau lisan. Semua keputusan yang dibuat oleh Fair & Lovely mengenai perkara-perkara di atas adalah muktamad dan mengikat.
33. Fair & Lovely berhak untuk membuat keputusan mengenai bilangan yang layak/jumlah biasiswa yang akan diberikan.